

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Petugas luar setia berkhidmat dengan Tabung Haji | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 25 Aug 2016 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 6 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 194 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,528 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,584 |



Petugas luar setia berkhidmat dengan Tabung Haji

MEKAH 24 Ogos - Kira-kira 300 orang penduduk tempatan berketurunan Indonesia dan Thailand turut diambil bagi membantu Lem-

baga Tabung Haji (TH) dalam operasinya mengendali jemaah haji Malaysia dengan menjadi Pembantu Petugas TH (Patuh) setiap tahun.

Ada yang sudah berkhidmat sehingga melebihi 20 tahun. Mereka ini fasih berbahasa Melayu dan Arab.

"Saya sudah 26 tahun berkhidmat dengan Tabung Haji yang dilantik sebagai pembantu pasukan kesihatan," kata **Mustofa Bathul**

Bari, 52, berasal dari Indonesia.

Dia berkata, setiap tahun beliau dipilih TH sebagai petugas sambutan.

"Saya rasa gembira dan tidak pernah menolak untuk berkhidmat dengan Tabung Haji kerana seronok bekerja membantu mereka dan juga jemaah Malaysia yang memerlukan khidmat kami," katanya yang bertugas sebagai kakitangan hotel di sini.

Bagi **Abdul Rahman Bayo**, 40, pula yang berketurunan Melayu Thailand, dia sudah 10 tahun berkhidmat sebagai anggota Patuh di bahagian Operasi Masya'ir.

Katanya, keramahan rakyat Malaysia dan keterbelaan nasib apabila berkhidmat dengan TH, menyebabkannya tertarik untuk terus membantu TH.

"Orang Malaysia (jemaah haji) baik dan Tabung Haji juga sangat bagus dalam membantu kami pada setiap musim haji," katanya yang berkelulusan Universiti Al Azhar.

Rakannya, **Hamdi Ismail Baheh**, 39, berkata, dia sudah 16 tahun bertugas secara sambilan bersama TH pada setiap musim haji.

Dia yang bertugas di maktab penginapan jemaah haji Malaysia berkata, keramahan rakyat Malaysia sangat menyentuh hatinya untuk berkhidmat dengan TH.

"Kami sudah macam keluarga dan apabila tamat musim haji, saya sentiasa dihubungi mereka bertanyakan khabar," kata bekas graduan Universiti Islam Antar-

bangsa Malaysia ini.

Seperti Abdul Rahman, mereka berdua juga merupakan petugas syarikat mengerjakan umrah milik rakyat Malaysia.

Bagi seorang petugas Patuh wanita, **Musrifah Bukhari**, 32, yang baru lima tahun bertugas dengan TH, beliau berharap akan sentiasa terpilih pada tahun-tahun berikutnya. - BERNAMA



Saya rasa gembira dan tidak pernah menolak untuk berkhidmat dengan Tabung Haji kerana seronok bekerja membantu mereka dan juga jemaah Malaysia yang memerlukan khidmat kami.

MUSTOFA BATHUL BARI
Pembantu pasukan kesihatan